




UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



Laporan
ENDOWMEN UTM 2017





*“Sedekah itu dapat
menghapus dosa, sebagaimana
air itu memadamkan api”*

(HR. At-Tirmidzi)

KATA ALUAN



Bismillahirrahmannirrahim

Assalamualaikum wrt. wbh. & Salam 1 Malaysia

Puji dan syukur saya panjatkan ke hadrat Allah SWT, serta salawat dan salam disampaikan kepada junjungan Nabi Muhammad SAW, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka Laporan Endowmen UTM 2017 ini dapat disediakan.

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Pengurusan Tertinggi UTM, Jawatankuasa Pemegang Amanah Endowmen UTM, Jawatankuasa Pengurusan Endowmen UTM, serta Dekan-dekan Fakulti yang telah banyak memberi bimbingan, motivasi dan bantuan sehingga Unit Endowmen UTM dapat melaksanakan amanah yang beri dengan baik dan lancar.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga disampaikan khususnya kepada para penyumbang, sama ada staf, pelajar dan alumni UTM, serta individu, syarikat dan pihak korporat yang telah bermurah hati menghulurkan sumbangan ke Tabung Endowmen UTM pada tahun 2017. Segala sumbangan yang dihulurkan akan digunakan untuk membantu pelajar UTM yang memerlukan bantuan kewangan, sama ada dalam bentuk biasiswa ataupun bantuan untuk membeli keperluan harian. Pada masa ini terdapat lebih 50 peratus pelajar UTM adalah datang dari keluarga kurang berkemampuan (B40) dan amat memerlukan bantuan.

Semoga Budaya Menyumbang terus subur dan berkembang dalam kalangan masyarakat kita, dan segala sumbangan yang dihulurkan ke Tabung Endowmen UTM mendapat kerahmatan dan ganjaran daripada-Nya.

Sekian, terima kasih & wassalam.

PROF. MADYA DR. YUSOF BOON

Pengarah

Unit Endowmen

Universiti Teknologi Malaysia

ISI KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
Kata Aluan	3
Isi Kandungan	4
Universiti Teknologi Malaysia	6
Endowmen UTM	12
Sasaran Endowmen 2017	17
Pencapaian KAI 2017 Unit Endowmen	18
Laporan Kewangan 2017	20
Perbelanjaan Unit Endowmen 2017	21
Jumlah dan Pandangan Pelajar Penerima Basiswa Endowmen UTM	22
Penghargaan Kepada Penyumbang Tabung Endowmen UTM	24
Aktiviti Utama Endowmen UTM 2017	26
Album Endowmen 2017	32
Maklumat dan Pertanyaan	35

**Pemeriksaan dana endowmen
juga dapat membantu Universiti
memastikan penyelidikan dapat
dijalankan dengan memperkasa
usaha bagi mendapatkan geran
luaran (swasta dan industri).**

**Pelan Global UTM
(Fasa II: 2015-2017)**





UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Kerana Tuhan Untuk Manusia



UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



PENGENALAN

Kampus utama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) terletak di kawasan strategik seluas 1,117 hektar di Wilayah Pembangunan Iskandar, Johor. UTM mempunyai sebuah kampus lagi dikenali UTM Kuala Lumpur di Jalan Semarak di kawasan seluas 18 hektar.

Sejarah penubuhan UTM bermula pada tahun 1904, sebagai Sekolah Teknik Treacher dan kemudian dinaik taraf sebagai Sekolah Teknik pada tahun 1906. Pada tahun 1942, Sekolah Teknik dinaik taraf kepada Maktab Teknik yang terletak di High Street (kini Jalan Bandar) dan kemudian dipindahkan ke Jalan Gurney (kini Jalan Sultan Yahya Petra).

Pada tahun 1972, Maktab Teknik pula ditukar kepada Institut Teknologi Kebangsaan (ITK) dan akhirnya pada 1 April 1975, telah dinaik taraf sebagai universiti dan dikenali sebagai Universiti Teknologi Malaysia.

Sejak tahun 1972 hingga Oktober 2017, UTM telah berjaya melahirkan seramai 186,827 graduan dan pada tahun 2017 sahaja UTM telah melahirkan seramai 6,394 graduan.

Sehingga September 2017 bilangan mahasiswa yang sedang mengikuti pengajian di peringkat pasca-siswazah adalah seramai 13,780 orang, manakala mahasiswa ijazah pertama berjumlah 11,392 orang. UTM merupakan penyumbang terbesar graduan pascasiswazah negara dalam bidang kejuruteraan kerana 40 peratus daripadanya adalah dari UTM.





Cancellor

Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah
Binti Almarhum Sultan Idris Shah
Permaisuri Johor

Pro-Cancellor



YBhg. Prof. Tan Sri
Dato' Dr. Lin See-Yan



YBhg. Tan Sri Dr.
Salleh bin Mohd
Nor



YBhg. Tan Sri
Datin Paduka
Siti Sadiyah binti
Sheikh Bakir

AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



Tan Sri Abdul Halim
bin Ali
**Pengerusi Lembaga
Pengaruh**



Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid
bin Omar
Naib Canselor



Datuk Senator
Sr. Haji Hanafi
bin Haji Mamat



Dato' Abu Bakar bin
Mohd Nor



Tan Sri Dato'
Mohd. Ramli bin
Kushairi



Dato' Haji Ismail
bin Karim



Dato' Mohamed
Nazim bin Tun
Abdul Razak



Prof. Ir. Dr.
Mohd Azraai bin
Kassim



Tuan Haji
Baidilleh bin
Ghazali



Dato' Low
Keng Kok



Dr. Mohd Nor
Azman bin
Hassan



Dato' Hj. Wan
Mohd. Zawawi
bin Wan Abd.
Rahman
Setiausaha

"Bentengilah hartamu dengan zakat, ubati orang-orang sakit (dari kalanganmu) dengan bersedekah dan persiapkan doa untuk menghadapi datangnya bencana"

(H.R. Ath-Thabrani)

PENCAPAIAN UTM



UTM memenangi Best Academia-Industry Collaboration Award 2016



UTM Pemegang Pertandingan Robot Asia Pasifik (ROBOCON) 2016 di Bangkok



UTM dan Ericsson membangunkan Pusat Inovasi 5G di Malaysia



Mesin penapis air mudah alih UTM digunakan menapis air minuman di kawasan dilanda banjir.



Enam kursus yang ditawarkan UTM berada dalam ranking 100 terbaik dunia dalam QS World University Rankings 2017



UTM berada dalam kelompok Top 1% universiti terbaik dunia

Malaysia Top 10 Best Universities based on Research Publications



UTM menduduki tempat pertama penerbitan bahan penyelidikan di Malaysia

UTM

Congratulations

UTM
for being awarded the
Award of Excellence
in the **National Occupational Safety & Health Awards 2017**
under the
Institution of Higher Education Category

www.utm.my univteknologimalaysia
utm_my
utmofficial

Tahniah

kepada seluruh warga UTM

UTM berjaya mencapai penarafan 6 Bintang (Gemilang), penarafan tertinggi dalam Penarafan Universiti dan Kolej Universiti (SETARA) 2017



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

www.utm.my univteknologimalaysia
utm_my
utmofficial

Dianugerah penarafan enam bintang dalam pengiktirafan tertinggi Setara 2017

8 universiti sangat cemerlang

KUALA LUMPUR – Lapan universiti tempatan di-anugerahkan penarafan enam bintang (sangat cemerlang) iaitu pengiktirafan tertinggi Sistem Penarafan Institusi Pendidikan Tinggi (Setara) 2017.

Lapan universiti terkemuka ialah Universiti Malaya, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi Petronas, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia, International Medical University Malaysia, Monash University Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, sebanyak 58 daripada 71 universiti dan kolej universiti yang layak dinilai Setara 2017 berjaya mencapai penarafan empat bintang ke atas.

Katanya, daripada 58 institusi, lapan universiti mencapai enam bintang (sangat cemerlang), 21 universiti mendapat lima bintang (cemerlang) manakala 29 universiti lagi menerima empat bintang (sangat baik).

"Selepas empat tahun (2013) kita telah mula penarafan dan hari ini berjaya dengan Setara baharu yang mengukur kemampuan universiti-universiti kita di peringkat kecemerlangan negara dan juga sebenarnya setara dengan penanda aras di peringkat antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyampaikan sijil Setara 2017 kepada universiti berkenaan dan pelancaran instrumen penilaian Setara 2017 di sini semalam.

Idris memberitahu, Setara 2017 dilaksanakan menerusi penilaian beberapa kriteria antaranya ialah keupayaan penyuruh, kewangan kukuh, kualiti pengajaran dan pembelajaran serta hasil penyelidikan dan inovasi.

Sebanyak 21 universiti yang dikategorikan penarafan lima bintang (cemerlang) Setara 2017 ialah Universiti Tenaga Nasional, Universiti Utara Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa

Malaysia, Universiti Malaya Perlis dan Universiti Teknologi Mara.

Selain itu ialah Universiti Malaysia Pahang, Management and Science University dan Universiti Malaysia Terengganu - Bornama


UNIVERSITI MALAYA


IMU
INTERNATIONAL MEDICAL UNIVERSITY MALAYSIA



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA


UNIVERSITI SAINS MALAYSIA


UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA


UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS


UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia


MONASH University Malaysia



ENDOWMEN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

“ Hubungan akrab yang terjalin antara universiti dengan industri perlu dilihat secara positif serta dimanfaatkan demi kebaikan bersama ”

**Titah Permaisuri Johor
DYMM Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah
(UTM Royal Gala Dinner 2017)**

LATAR BELAKANG ENDOWMEN UTM



01

Anugerah Merdeka 2009 menjadi titik permulaan kewujudan “Tabung Endowmen Merdeka” yang diambil sempena nama Anugerah Merdeka tersebut.

02

Sebagai salah seorang penerima Anugerah Merdeka 2009 bagi Kategori Pencapaian Ulung Akademik, Yang Berbahagia Naib Canselor UTM telah memulakan inisiatif melancarkan penubuhan dan menyumbang kepada Tabung Endowmen Merdeka.

03

Bermula dengan RM 64 ribu, Endowmen UTM telah berjaya mengumpulkan dana lebih 87 juta bagi Tabung Endowmen pada tahun 2017.

TUJUAN UTAMA ENDOWMEN

BIASISWA & BANTUAN PELAJAR



KURSI PROFESOR



PENERBITAN BAHAN SAINTIFIK



PELAKSANAAN PROGRAM BERIMPAK TINGGI



- Pemberian Biasiswa dan bantuan kewangan kepada pelajar UTM
 - Penajaan Kursi Profesor
 - Penajaan penerbitan jurnal dan buku saintifik
 - Penajaan program berimpak tinggi

Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.

(A-li'Imraan 3:92)



JAWATANKUASA PEMEGANG AMANAH ENDOWMEN UTM



YBhg Tan Sri Abdul Halim
Bin Ali
(Pengerusi)



YBhg Dato' Ir Low Keng
Kok
(Naib Pengerusi)



YBhg Tan Sri Dato'
Seri Shahril Bin
Shamsuddin



YBhg Prof. Tan Sri
Dato' (DR) Ir. Jamilus
Bin Hussein



YBhg Prof Dato' Seri Ir.
Dr.
Zaini Bin Ujang



YBhg Dato'
Abu Bakar Bin Mohd
Nor



YBhg Dato'
Azmi Bin Mohd Ali



YBhg Dato'
Wei Chuan Beng



YBhg Datuk (Dr)
Rameli Bin Musa



YBhg Dato'
Yahya Bin A Jalil



YBhg Prof. Datuk Ir. Dr.
Wahid Bin Omar

CARTA ORGANISASI UNIT ENDOWMEN



PROF. DR. AZLAN
B. AB. RAHMAN
Tim. Naib Canselor
(Pembangunan)



PROF. MADYA
DR. YUSOF B. BOON
Pengarah



ZURAIDAH BT. ABDUL
GHANI
Pembantu Tadbir



NURIN ASYIKA BT.
ABD JALEL
Penolong Pendaftar




TUAN MOHD KHAMSANI
B. TUAN LEGA
Pembantu Operasi



SASARAN ENDOWMEN 2017


Pada 2017 UTM telah meletakkan sasaran pengumpulan dana sebanyak RM20 juta, iaitu RM10 juta dana yang dikumpulkan oleh Unit Endowmen dan RM10 juta dana yang dikumpulkan oleh fakulti dan dimasukkan ke dalam Tabung Endowmen fakulti masing-masing.



Rajah 1
Pecahan Sasaran Pengumpulan Dana Endowmen



PENCAPAIAN KAI 2017 UNIT ENDOWMEN



Rajah 2 Pencapaian KAI 2017 Unit Endowmen UTM

Pada 2017, Unit Endowmen UTM telah berjaya mengumpulkan dana dalam Tabung Endowmen sebanyak RM11,280,039 melebihi RM10,000,000 yang telah ditetapkan oleh Universiti. Sumbangan terbesar sebanyak RM9,000,000 (80.1%) adalah daripada pihak korporat, , iaitu RM5,000,000 (55.6%) daripada pihak Amcorp, RM3,000,000 (33.3%) daripada Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA), dan RM1,000,000 (11.1%) daripada JohorPort.



SASARAN DAN PENCAPAIAN KAI 2017 ENDOWMEN FAKULTI

FAKULTI	SASARAN	PENCAPAIAN	PERATUS
AIS	RM232,415.90	RM10,000.00	4.30%
FAB	RM562,691.13	RM1,664.00	0.30%
FBME	RM409,785.93	RM32,958.97	8.04%
FC	RM740,061.16	RM16,000.00	2.16%
FKT	RM880,733.94	RM16,530.00	1.88%
FGHT	RM513,761.47	RM10.00	0%
FKA	RM905,198.78	RM28,381.88	3.14%
FKE	RM1,027,522.94	RM38,112.63	3.71%
FKM	RM856,269.11	RM29,540.25	3.45%
FM	RM581,039.76	RM5,150.00	0.89%
FP	RM556,574.92	RM11,134.13	2.00%
FS	RM886,039.76	RM25,738.00	2.90%
FTI	RM275,229.36	RM0.00	0%
AHIBS	RM171,253.82	RM233,479.00	136.34%
LA	RM366,972.48	RM6,446.80	1.76%
MJIIT	RM525,993.88	RM14,850.00	2.82%
PERDANA	RM67,728.29	RM0.00	0%
RAZAK	RM440,366.97	RM7,539.31	1.71%
JUMLAH	RM10,000,000.00	RM477,534.97	4.78%

LAPORAN KEWANGAN 2017


Jumlah sumbangan, pendapatan dan perbelanjaan Unit Endowmen pada tahun
2017

LAPORAN KEWANGAN TABUNG ENDOWMEN 2017

PERKARA	TAHUN	MERDEKA	ALUMNI	AINUDIN WAHID	KISWIRE	AZMAN HASHIM	ISKANDAR	JUMLAH
SUMBANGAN/ PENDAPATAN	2017	2,492,355	315,413	79,246	114,764	5,278,260	3,000,000	11,280,038
	KUMULATIF	37,666,086	3,017,243	5,851,263	3,375,878	10,379,082	3,000,000	63,289,552
PERBELANJAAN	2017	2,110,594	70,655	1,072,284	0	80,107	0	3,333,640
	KUMULATIF	20,100,075	174,729	2,425,641	100,000	161,107	0	22,961,552
BAKI	2017	381,761	244,758	-993,038	114,764	5,198,153	3,000,000	7,946,398
	KUMULATIF	17,566,011	2,842,514	3,425,622	3,275,878	10,217,975	3,000,000	40,328,000
PLEDGE				4,580,000		20,000,000		24,580,000
JUMLAH TERKUMPUL		87,869,552						

PERBELANJAAN UNIT ENDOWMEN 2017

Jumlah Perbelanjaan 2017: RM 3,556,030



Rajah 3 Pecahan Perbelanjaan Unit Endowmen 2017

TABUNG PENGURUSAN ENDOWMEN	
Pengurusan / Pemasaran	RM 1,693
Sewaan	RM 4,991
Inventori	RM 22,062
Bahan Cetakan / Promosil	RM 17,251
Perjalanan / Penginapan / Keraian	RM 12,581
Komisen / Elaun	RM 810
Penamaan	RM 700
Jumlah	RM 60,088

PEMULANGAN SEMULA DANA		
Biasiswa Endowmen	RM 28,962	5 Orang Pelajar Menerima Biasiswa Lain
UTM Chair in Sustainability	RM 100,000	Penyandang Tidak Lagi Berkhidmat Di UTM
UTM Chair in Robotic Engineering	RM 93,428	Penyandang Tidak Dapat Meneruskan Kerana Telah Meninggal Dunia
Jumlah	RM 22,390	



**JUMLAH DAN PANDANGAN
PENERIMA BIASISWA
ENDOWMEN UTM**

JUMLAH PELAJAR PENERIMA BIASISWA ENDOWMEN UTM

Pada tahun 2017, Unit Endowmen telah menguruskan pemberian biasiswa kepada 139 orang pelajar UTM dari pelbagai program pengajian dan fakulti.

Biasiswa	Program Pengajian	Jumlah Pelajar
Biasiswa Endowmen Merdeka	Ijazah Sarjana Muda	113 Pelajar
Biasiswa Endowmen Alumni	Ijazah Sarjana Muda	5 Pelajar
Biasiswa Endowmen Azman Hashim	Ijazah Sarjana Muda Ijazah Sarjana	3 Pelajar 2 Pelajar
Biasiswa Ainuddin Wahid	Ijazah Doktor Falsafah	16 Pelajar
Jumlah		139 Pelajar

Pandangan Pelajar Penerima Biasiswa Endowmen UTM

Your gifts matter to them...



"Endowment Scholarship helps student in their studies and it's a life changing opportunity for students to pursue their studies. It helps student to manage their life in the university.."

Ram Kumar Rao a/l Nagarajan
Bachelor of Engineering (Petroleum)
Faculty of Chemical and Energy Engineering



"I use it to pay all my fees, and it's the only source to pay my living cost at the university.."

Tar Yoke Hui
Bachelor of Accountancy
Faculty of Management



"Ia membantu dalam kehidupan seharian saya sebagai mahasiswa. Terima kasih kepada para penyumbang."


Siti Norfarhah binti Normansah
Bachelor of Accountancy
Faculty of Management

PENERIMA BIASISWA ENDOWMEN 2017

Selain penerima sedia ada, sebanyak 13 orang pelajar utm adalah penerima baharu Biasiswa Endowmen pada tahun 2017.

Biasiswa	Nama Penerima	Fakulti	Nilai Biasiswa
BIASISWA ENDOWMEN ALUMNI	<ol style="list-style-type: none"> Muhamad Abdul Rahman Auf b. Mustapa Kamal Norhafizie b. Hawwari Thnaysha A/P Murugan 	FKE FKE FKA	RM 9,000.00 seorang setahun
BIASISWA ENDOWMEN MERDEKA	<ol style="list-style-type: none"> Nur Anisa bt. Musa Sinthu A/P Sivaji Rajah Nurjeha Aqilah Rabian Afiqah bt. Salihi Manja Ahmad Nabil b. Ahmad Subandi Kunaraj A/L Many Muhammad Alif Danial b. Zulhisham Fakhrul Hakim b. Zaini Chan Ying Yenn Muhamad Iman b. Anuar 	FS FKT FC FKE FKT FBME FKM FKT FKE FKM	RM12,000.00 seorang setahun
JUMLAH	13		





**PENGHARGAAN KEPADA PENYUMBANG
TABUNG ENDOWMEN UTM**

Universiti Teknologi Malaysia sentiasa mengalu-alukan individu, staf, pelajar, alumni, syarikat dan pihak korporat menyumbang ke Tabung UTM bagi membantu pelajar UTM yang menghadapi masalah kewangan.

Segala sumbangan yang dihulurkan amatlah dihargai serta disanjung, dan UTM bersedia menawarkan penamaan ruang tertentu di UTM dengan nama penyumbang individu atau syarikat (tempoh penamaan adalah selama 10 tahun), mengikut jumlah sumbangan yang disalurkan ke Tabung Endowmen UTM.

Ruang / Bangunan / Aset	Jumlah Sumbangan
Fakulti / Sekolah / Bangunan Guna Sama	RM5,000,000
Bangunan Kolej Kediaman	RM3,000,000
Dewan Banquet / Bangunan Bengkel / Bangunan Lab	RM1,000,000
Hutan Rekreasi / Jalan / Gelanggang Tenis / Rumah Staf Desa Bakti dan Desa Skudai / Kafetaria	RM500,000 – RM5,000,000
Dewan Kuliah / Blok Asrama (100 pelajar)	RM500,000
Blok Asrama (54 pelajar) / Blok Asrama Kecil	RM300,000
Dewan Kuliah / Dewan Serbaguna Kolej Kediaman / Bilik Makmal / Bengkel	RM200,000
Bilik Seminar / Bilik Mesyuarat	RM100,000
Bilik Kuliah / Bilik Perbincangan	RM50,000



AKTIVITI UTAMA ENDOWMEN UTM

2017



PENUBUHAN KURSI IM @ UTM

Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) telah menyalurkan sumbangan dana sebanyak RM3 juta ke Tabung Endowmen UTM bagi pengwujudan Kursi IM @ UTM. Pengwujudan kursi ini adalah untuk membantu IRDA dan kerajaan Negeri Johor dalam menjalankan kajian berkaitan ekonomi, kesejahteraan sosial dan kelestarian alam sekitar.

Majlis tanda tangan dan pertukaran memorandum penubuhan Kursi IM @ UTM antara UTM dengan IRDA telah disempurkan oleh Y.Bhg. Datuk Ismail b. Ibrahim, Ketua Eksekutif IRDA dan Y.Bhg. Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid b. Omar, Naib Canselor UTM, telah diadakan pada 05 September 2017, di Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya. Majlis turut disaksikan oleh YAB Dato' Seri Mohd Najib b. Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, dan YB Menteri Besar Johor, Dato' Seri Mohamed Khaled b. Nordin.



Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Pengerusi Lembaga Pengarah UTM, Tan Sri Abdul Halim b. Ali, Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi, Datin Paduka Siti Hamisah bt. Tafsir, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Datuk Dr. Ahmad Fauzi b. Ismail, Pengarah Unit Endowmen UTM, Prof. Madya Dr. Yusof b. Boon, Pemangku Bendahari UTM, Tuan Hj. Abu Bakar b. Mohd Salleh, dan Puan Azizah bt. Ismail, Tim. Pendaftar, Pejabat Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).

Di UTM Kursi IM @ UTM ditempatkan di Pusat Penyelidikan Geotropik, Fakulti Kejuruteraan Awam, dan Datuk Prof. Emeritus Dr. Ibrahim b. Komoo telah dilantik sebagai penyandang kursi ini bagi tempoh dua tahun.

PENGANUGERAHAN IJAZAH DOKTOR KEHORMAT KEPIMPINAN PENGURUSAN KEPADA TAN SRI AZMAN HASHIM

Universiti Teknologi Malaysia telah menganugerahkan Ijazah Doktor Kehormat Doktor Kepimpinan kepada YBhg. Tan Sri Azman Hashim, Pengerusi Bukan Eksekutif dan Pengasas Kumpulan AmBank, sempena Majlis Konvokesyen UTM ke-59 pada 28 Oktober 2017.

Penganugerahan ini merupakan pengiktirafan UTM atas sumbangan besar dan sangat bermakna yang telah diberikan oleh Tan Sri Azman kepada pembangunan masyarakat di negara ini dan sejagat. Bagi UTM, sumbangan Tan Sri Azman amat bermakna dan banyak membantu pelajar UTM

yang menghadapi masalah kewangan dalam mengikuti program pengajian masing-masing dengan pengwujudan Tabung Biasiswa Azman Hashim di UTM. Tabung Biasiswa Azman Hashim yang diurus Unit Endowmen UTM mendapat sumbangan dana sebanyak RM30 juta, iaitu RM5 juta setahun selama enam tahun daripada Yayasan Azman Hashim, Amcorp Group.

Antara jasa dan sumbangan Tan Sri Azman Hashim kepada negara dan masyarakat sejagat ialah beliau pernah berkhidmat di Bank Negara Malaysia (1960), menubuhkan Firma perakaunan Azman & Co (1964), Pengarah Eksekutif Malayan Banking Berhad (1971), Pengerusi Eksekutif Kwong Yik Bank Berhad (1982), menubuhkan AmBank dengan pengambilalihan Taiping Textiles Berhad dan Arab-Malaysia Development Bank Berhad.



Berdasarkan pelbagai peranan penting yang telah dimainkan dan banyak jasa yang telah disumbangkan, sudah sewajarnya UTM mengiktiraf peranan dan sumbangan Tan Sri Azman Hashim dengan menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Kepimpinan Pengurusan. Semoga dengan penganugerahan ini, hubungan Tan Sri Azman Hashim, Amcorp dan AmBank dengan UTM bertambah erat dan dapat membantu UTM menjadi universiti yang lebih cemerlang dan berjaya.



Universiti Teknologi Malaysia telah menganjurkan Majlis Santapan Diraja - UTM Royal Gala Dinner 2017 pada 11 November 2017 di Dewan Residen, UTM Kuala Lumpur. Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah bt Almarhum Sultan Idris Shah, Permaisuri Johor, telah berkenan berangkat bagi menyempurnakan majlis tersebut.

Majlis yang bertujuan mengumpulkan dana UTM Cares, termasuk dana untuk Tabung Endowmen telah berjaya mengumpulkan wang sumbangan sebanyak RM1,537,283.28. Daripada jumlah sumbangan tersebut sebanyak RM594,900 telah dimasukkan ke dalam Tabung Endowmen UTM.

Endowmen UTM merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada syarikat dan individu yang telah menyumbang secara terus ke Tabung Endowmen UTM, antaranya JohorPort, MBSB, UEM Group, Mangkubumi Sdn Bhd, Sapura Kencana Petroleum Berhad, MPJBT, Asia Baru Construction Sdn Bhd, Bank Islam Malaysia Berhad, Widad Group, Jalur Cahaya Sdn Bhd, Triplc Resources Sdn Bhd, serta beberapa syarikat dan individu yang lain.

ENDOWMEN UTM TERLIBAT DALAM PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI KEMBOJA

Endowmen UTM telah terlibat dalam Program Kembara Lestari Komuniti Kemboja pada 29 Ogos - 02 September 2017. Dua objektif utama penglibatan Endowmen UTM dalam program ini, iaitu:



Mempromosikan Endowmen UTM kepada masyarakat Kemboja.

Menyelaraskan penerimaan dan pengagihan wang sumbangan supaya memberi impak yang lebih besar kepada UTM, khususnya dalam beberapa siri audit seperti Audit MyRA II, Mymohes, SETARA dan sebagainya.

Program yang dilaksanakan bersama beberapa rakan strategik UTM telah berjaya mengumpulkan wang sumbangan sebanyak lebih RM230 ribu. Antara rakan strategik yang turut serta adalah Yayasan Salam Malaysia, Media Prima (TV3), EM Malaysia Group, Sekolah Agama Rakyat Sri Seremban dan Alumni Sekolah Alam Shah.

Program yang dilaksanakan di beberapa kampung di Kemboja, antaranya Kampung Khleang Sbek dan Koh Sohtin, melibatkan beberapa aktiviti seperti naik taraf dan penambahbaikan sekolah, surau dan masjid, pembinaan telaga tiub untuk penyediaan air bersih, perkhidmatan kesihatan dan berkhatan, melaksanakan program aqiqah dan korban, serta bantuan kewangan kepada masyarakat yang memerlukan.



PENGANTARABANGSAAN ENDOWMEN UTM



Endowmen UTM bertekad untuk menyuburkan Budaya Menyumbang dalam kalangan masyarakat, sama ada masyarakat tempatan ataupun masyarakat antarabangsa.

Selain giat mempromosikan Endowmen UTM kepada masyarakat tempatan, promosi Endowmen UTM kepada masyarakat antarabangsa telah dimulakan melalui perbincangan dengan beberapa pihak di tiga buah negara ASEAN, iaitu Kemboja, Indonesia dan Brunei Darussalam.

Promosi Endowmen UTM di Kemboja

Promosi di Kemboja telah dilakukan pada 20 Jun 2017 di Kedutaan Besar Malaysia di Phnom Penh, Kemboja, yang dihadiri bersama Duta Besar Malaysia di Kemboja, Y.Bhg. Dato' Sri Hassan b. Malik. Turut hadir dalam program tersebut ialah wakil-wakil bank dari Malaysia yang beroperasi di Kemboja, seperti Maybank, RHB Bank, Public Bank, CIMB Bank dan Hong Leong Bank.

Di Indonesia, promosi kepada ahli-ahli perniagaan Indonesia telah diadakan di Batam, Indonesia pada 20 Ogos 2017. Sementara itu, promosi di Brunei Darussalam telah diadakan pada 15 September 2017 dengan melibatkan pegawai-pegawai dari Kementerian Agama Brunei Darussalam.



Promosi Endowmen UTM di Batam

ALBUM ENDOWMEN

2017



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



Beberapa aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun 2017 untuk mempromosikan Endowmen UTM dan menyuburkan Budaya Menyumbang dalam kalangan masyarakat.



Engagement Fakulti



Salah Seorang Penerima Biasiswa Endowmen Alumni



Mesyuarat Pelaksanaan Jompay Endowmen UTM



Sesi temubual Biasiswa Endowmen UTM



Promosi Dalam Seminar Umrah Ziarah



Perbincangan Bersama Team Public Mutual Bank



Promosi Dalam Minggu Mesra Mahasiswa



Promosi Dalam Majlis Konvokesyen UTM Ke-58

ENDOWMEN Dalam Media

Penglibatan Endowment UTM dalam program pembangunan komuniti di Kemboja dan UTM Royal Gala Dinner 2017 telah mendapat liputan media.



MAKLUMAT & PERTANYAAN

Sebarang masalah dan pertanyaan berkaitan
Endowmen UTM sila hubungi:

Prof. Dr. Azlan b. Ab Rahman

Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

Tel.: +(06)07-5533003

H/P: 017-7783000

Email: azlan@utm.my

Prof. Madya Dr. Yusof b. Boon

Pengarah Endowmen

Tel: +(60)07-5530283

H/P: 012-7721037

Email: p-yusofb@utm.my

Nurin Asyika bt. Abd Jalel

Penolong Pendaftar

Tel: +(60)07-5531043

H/P: 013-7470703

Email: asyika@utm.my

Unit Endowmen

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

Aras 4, Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim

Universiti Teknologi Malaysia

81310 Skudai, Johor

Tel.: 07-5530283/31042/31043

Faks: 05-5531046

Email: endowmen@utm.my

Laman Web: www.endowmen.utm.my



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA